




Factsheet CAT03

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak

3: institusi pendidikan untuk kanak-kanak



Malay | Bahasa Melayu

Institusi pendidikan untuk kanak-kanak termasuk sekolah mengikut *School Education Act 1999* (Akta Pendidikan Sekolah) tetapi bukan universiti yang dikenali atau diadakan dengan undang-undang, atau institusi yang ditetapkan oleh peraturan Working with Children.

Harap ingat, orang yang bekerja di universiti mungkin melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#) dalam kategori yang lain.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- guru
- pekerja yang bukan guru, termasuk pendaftar sekolah, pekerja kebun, pekerja kebersihan dan tukang yang bekerja dalam waktu sekolah dan ada kontak dengan kanak-kanak
- orang yang melakukan kerja perubatan untuk kanak-kanak di sekolah itu
- pengajar atau ketua program aktiviti selepas sekolah yang dibuat di sekolah
- penghibur dan juru gambar yang ada kontak dengan kanak-kanak di sekolah itu
- penceramah dan pendidik lain yang pekerjaan biasanya pergi dari sekolah ke sekolah menyampaikan ceramah untuk pelajar-pelajar
- pekerja kantin atau tempat makan yang ada kontak dengan kanak-kanak
- pensyarah TAFE College dan pekerja TAFE lain yang pekerjaan biasanya ada kontak dengan kanak-kanak.

Harap ingat, kontraktor luar yang pergi ke sekolah itu sekali-sekala dan ada kontak **tidak sengaja (incidental)** dengan kanak-kanak tidak dikira melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** remaja yang umurnya kurang 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak belajar di institusi pendidikan dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan di institusi yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#). Harap ingat, tidak ada exemption untuk ibu atau bapa yang menjadi sukarelawan di khemah semalam sekolah. Lihat kategori 15
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police
- acara besar nasional atau jelajah nasional, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Kalau ada soalan berkenaan kategori ini, termasuk penerangan tentang kontraktor luar, lihat [Factsheet ORG05 – Working with Children Checks, education sector](#) (WWC Check, bidang pendidikan).

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au